



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INSIDEN KETIRISAN DATA PERIBADI PENDERMA ORGAN

PUTRAJAYA, 24 Januari – YB Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia memandang serius terhadap insiden ketirisan data peribadi penderma organ yang dilaporkan baru-baru ini.

Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) sedang menjalankan siasatan mengenai insiden ini bersama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Kenyataan lanjut mengenai insiden ini akan dimaklumkan oleh pihak JPDP selepas siasatan selesai dijalankan.

Mana-mana pihak yang disabit kesalahan boleh diambil tindakan undang-undang mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

Pihak yang memproses data peribadi dan mengendalikan sistem pangkalan data hendaklah memastikan agar tahap keselamatan pengurusan data peribadi dikendalikan dengan cekap, berhemah dan berintegriti supaya tidak berlaku insiden penyalahgunaan dan ketirisan data peribadi.

#

Disediakan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Komunikasi dan Multimedia
PUTRAJAYA

Tel : 03-8911 5198/5184/5206

Emel : ukk@kkmm.gov.my